



# Buletin Kelab



Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke 49

Keluaran 18/06

Ogos 2006 Rejab 1427H

## BERITA SEMASA KELAB

### Kejohanan Piala Presiden

Beberapa orang ahli kelab telah menyertai Kejohanan Piala Presiden yang diadakan di UIAM Gombak bermula pada 11/08/2006. Kejohanan tersebut disertai oleh beberapa pasukan dari kampus induk dan pasukan dari Pusat Matrikulasi UIAM yang terdiri daripada pemain-pemain campuran kakitangan dan pelajar-pelajar Pusat Matrikulasi UIAM. Baru-baru ini pasukan Matrikulasi telah seri 1-1 dengan pasukan Sahara yang terdiri dari pelajar Negro di Main Campus Gombak. Pihak Kelab mendoakan akan kejayaan pasukan kita ini.

**PROGRAM ANAKKU DAH REMAJA** telah diadakan pada 01 –02 Jun 2006. Program tersebut dianjurkan oleh Biro Hal-elwal Wanita yang diketuai oleh Pn Kalsom Wan Adam. Program tersebut disertai oleh 26 orang anak-anak ahli dimana ceramah telah disampaikan oleh yang berbahagia Ustazah Isfadhah Dasuki Pengetua Marhallah Zainab Al-Jahsy. Program tersebut mendapat sambutan yang mengalakkan dan AJK Kelab akan menjadikan acara tersebut sebagai acara tahunan. Tahniah diucapkan kepada Biro Hal-ehwal Wanita yang diketuai oleh Pn. Kalsom Wan Adam.

**Program Israk Mi'raj** akan diadakan pada 25 Ogos 2006 pukul 3.00 petang. Penceramah adalah Mohamad Fauza bin Ali. Program tersebut akan diadakan di Dewan Kuliah B. Di jemput semua Kakitangan dan pelajar pusat matrikulasi UIAM hadir pada hari tersebut.

### TAHNIAH—KELAHIRAN CAHAYA MATA

**En. Noor Mohd Azmy bin Mohd Husin**  
Dari Jabatan Aktiviti Pelajar  
Mendapat cahayamata yang ke dua, anak lelaki pada 02hb Ogos 2006. Anak beliau bernama Mohd Iskandar



Anugerah dan Amanah dari Allah

**Erti kemerdekaan** adalah hati dan fikiran bebas daripada dunia dan kebendaan

Lebih-lebih lagi dari sebarang ideologi

Hati dan fikiran semata-mata dengan Tuhan

Inilah dia kemerdekaan yang hakiki dan sejati

Merdeka dari Tuhan adalah merdeka yang palsu dan menipu Pautan hati dengan Tuhan terasa luas dan manusia puas

Pautan hati dengan manusia ingin buat apa saja terasa terbatas walaupun ingin bebas

Tidak bebas dari Tuhan inilah kebebasan

Ingin bebas dari Tuhan itulah keterbatasan

Jiwa sentiasa tidak puas kerana dunia memang terbatas

Manusia ingin merdeka dan bebas padahal kuasa sangat terbatas

Walaupun dengan Tuhan tidak bebas kuasa Tuhan tidak terbatas

Lahir tidak bebas tapi jiwanya bebas dan puas

Merdeka daripada Tuhan nampaknya bebas tapi terbatas jiwa tidak puas

Orang yang berfahaman sekular tersekat di dalam kemerdekaan

Orang yang berfahaman Islam merdeka di dalam sekatan Kemerdekaan orang sekular dalam kemerdekaan yang tertipu dan palsu

Mereka masih terbelenggu kerana itulah jiwa mereka selalu gelisah bahkan ada yang kecewa

Orang mukmin nampaknya terbelenggu tapi jiwanya puas dan bahagia

Merdeka dari dunia dan manusia itulah hakikat kemerdekaan

Merdeka dari Tuhan itulah hakikatnya tidak ada kebebasan

Orang mukmin adalah mempunyai kemerdekaan yang sejati

Orang sekular adalah golongan yang terjajah yang hakiki

### Kandungan Buletin

### Kandungan Buletin

Apabila Umat melakukan 5 perkara	2
Tumbuhan menyembuhkan penyakit	2
ISTIDRAJ ?	3
Ayah Yang Berkesan	5
Apa Yang JANGAN	6
Wanita Mengumpat Sukar Dikapan	7
10 Tabiat Rosak Otak	10


**KESIHATAN**

## TUMBUHAN PENYEMBUH PENYAKIT

**Nenas**

Ia boleh meredakan radang tenggorok dan mengatasi penyempitan pembuluh darah. Untuk mereka yang mengalami masalah berat badan yang berlebihan, buah nenas boleh jugak digunakan untuk menurunkan berat badan. Daun nenas berguna untuk menormalkan pusingan haid yang tidak menentu.

**Serai**

Seluruh bahagian pohon serai amat berguna didalam perubatan homeopathy. Antaranya astrak serai yang telah disulung. Secara saintifik boleh melegakan demam, menghilangkan sakit perut, melancarkan perjalanan haid dan merawat penyakit reumatik.

**Kunyit**

Kunyit mengubati senggugut dengan cara mendapatkan pati kunyit dan dibancuh dengan air suam. Kunyit boleh menurunkan paras kolestrol didalam darah kita. Ia juga penawar bagi mereka yang menghadapi masalah gatal gatal kulit dan menyembuhkan demam.

**Jambu batu**

Amalan memakan jambu batu elok untuk melawaskan sistem penghadaman kita.

**Bawang putih**

Bawang putih berguna untuk mengurangkan paras kolestrol dalam darah dan menurunkan darah tinggi. Disamping itu bawang putih boleh dijadikan panawar bagi pengidap penyakit kencing manis dan menghilangkan kahak.

**Kemuning**

Daun kemuning sering digunakan didalam perubatan homeopathy. Daunnya digunakan mengubati keputihan, mengatasi haid yang tidak teratur, melangsingkan badan serta menghaluskan kulit

## Apabila Umat Melakukan 15 Perkara...

Daripada Ali bin Abi Thalib ra, Rasulullah SAW bersabda:

"Apabila umatku telah membuat 15 perkara, maka BALA pasti akan turun kepada mereka, iaitu:

1. Apabila harta negara hanya beredar di kalangan orang tertentu sahaja
2. Apabila amanah dijadikan suatu sumber keuntungan
3. Zakat dijadikan hutang
4. Suami menurut kehendak isteri (dalam perkara bertentangan syariat)
5. Anak derhaka terhadap ibunya
6. Akan tetapi (anak tadi) sangat baik terhadap kawan-kawannya.
7. Ia (anak) suka menjauhkan diri daripada ayahnya
8. Suara sudah ditinggikan di dalam masjid.
9. Yang menjadi ketua sesuatu kaum adalah orang yang paling hina di antara mereka.
10. Seseorang dimuliakan kerana ditakuti kejahatannya. 11. Arak sudah diminum secara berleluasa.
12. Kain sutera banyak dipakai (oleh kaum lelaki). 13. Para artis-artis disanjung-sanjung.
14. Muzik banyak dimainkan/didengarkan.
15. Generasi akhir umat ini akan melaknat generasi pertama (para sahabat terdahulu)."

Apakah dia istidraj itu?

Ianya adalah pemberian nikmat Allah kepada manusia yang mana pemberian itu tidak diredhaiNya. Inilah yang dinamakan istidraj. Rasullulah s.a.w. bersabda : "Apabila kamu melihat bahawa Allah Taala memberikan nikmat kepada hambanya yang selalu membuat maksiat (durhaka), ketahuilah bahawa orang itu telah diistidrajkan oleh Allah SWT." (Diriwayatkan oleh At-Tabrani, Ahmad dan Al-Baihaqi.

Tetapi, manusia yang durhaka dan sering berbuat maksiat yang terkeliru dengan pemikirannya merasakan bahawa nikmat yang telah datang kepadanya adalah kerana Allah berserta dan kasih dengan perbuatan maksiat mereka. Masih ada juga orang ragu-ragu, kerana kalau kita hendak dapat kebahagiaan di dunia dan akhirat kita mesti ikut jejak langkah Rasullulah saw dan berpegang teguh pada agama Islam.

Tetapi bagaimana dengan ada orang yang sembahyang 5 waktu sehari semalam, bangun tengah malam bertahajjud, puasa bukan di bulan Ramadhan sahaja, bahkan Isnin, Khamis dan puasa sunat yang lain. Tapi, hidup mereka biasa sahaja. Ada yang susah juga. Kenapa? Dan bagaimana pula orang yang seumur hidup tak sembahyang, puasa pun tak pernah, rumahnya tersergam indah, kereta mewah menjalar, duit banyak, dia boleh hidup kaya dan mewah. Bila kita tanya, apa kamu tak takut mati? Katanya, alah, orang lain pun mati juga, kalau masuk neraka, ramai-ramai. Tak kisahlah! Sombongnya mereka, takburnya mereka.

Rasullulah s.a.w. naik ke langit bertemu Allah pun tak sombong, Nabi Sulaiman, sebesar-besar pangkatnya sehinggakan semua makhluk di muka bumi tunduk di bawah perintahnya pun tak sombong! Secantik-cantik Nabi Yusof dan semerdu suara Nabi Daud, mereka tak sombong. Bila sampai masa dan ketikanya, mereka tunduk dan sujud menyembah Allah.

Manusia istidraj - Manusia yang lupa daratan. Walaupun berbuat maksiat, dia merasa Allah menyayanginya. Mereka memandang hina kepada orang yang beramal. "Dia tu siang malam ke masjid, basikal pun tak mampu beli, sedangkan aku ke kelab malam pun dengan kereta mewah. Tak payah beribadat pun, rezeki datang mencurah-curah. Kalau dia tu sikit ibadat tentu boleh kaya macam aku, katanya sombong."

Sebenarnya, kadang-kadang Allah memberikan nikmat yang banyak dengan tujuan untuk menghancurkannya. Rasullulah s.a.w. bersabda: "Apabila Allah menghendaki untuk membinasakan semut, Allah terbangkan semua itu dengan dua sayapnya" (Kitab Nasaibul æIbad) Anai-anai, jika tidak bersayap, maka dia akan duduk diam di bawah batu atau merayap di celah-celah daun, tetapi jika Allah hendak membinasakannya, Allah berikan dia sayap. Lalu, bila sudah bersayap, anai-anai pun menjadi kelkatu. Kelkatu, bila mendapat nikmat(sayap), dia akan cuba melawan api. Begitu juga manusia, bila mendapat nikmat, cuba hendak melawan Allah S.W.T.

Buktinya, Firaun. Nikmatnya tak terkira, tidak pernah sakit, bersin pun tidak pernah kerana Allah berikannya nikmat kesihatan. Orang lain selalu sakit, tapi Firaun tidak, orang lain mati, namun dia masih belum mati-mati juga, sampai rasa angkuh dan besar diri lantas mengaku dirinya tuhan. Tapi dengan nikmat itulah Allah binasakan dia. Namrud, yang cuba membakar Nabi Ibrahim. Betapa besar pangkat Namrud? Dia begitu sombong dengan Allah, akhirnya menemui ajalnya hanya disebabkan seekor nyamuk masuk ke dalam lubang hidungnya.

Tidak ada manusia hari ini sekaya Qarun. Anak kunci gudang hartanya sahaja kena dibawa oleh 40 ekor unta. Akhirnya dia ditenggelamkan bersama-sama hartanya sekali akibat terlalu takbur. Jadi kalau kita kaya, jangan sangka Allah sayang, Qarun lagi kaya, akhirnya binasa juga.

Jadi, jika kita kaji dan fikir betul-betul, maka terjawablah segala keraguan yang mengganggu fikiran kita. Mengapa orang kafir kaya, dan orang yang berbuat maksiat hidup senang /mewah. Pemberian yang diberikan oleh Allah pada mereka bukanlah yang diredhaiNya. Rupa-rupanya ianya adalah bertujuan untuk menghancurkannya. Untuk apa hidup ini tanpa keredhaanNya?

Tetapi jangan pula ada orang kaya beribadat, masuk masjid dengan kereta mewah kita katakan itu istidraj. Orang naik pangkat, istidraj. Orang-orang besar, istidraj. Jangan! Orang yang menggunakan nikmatnya untuk kebajikan untuk mengabdikan kepada Allah bukan istidraj. Dan jangan pula kita tidak mahu kekayaan. Kalau hendak selamat, hidup kita mesti ada pegangan. Bukan kaya yang kita cari, juga bukan miskin yang kita cari. Tujuan hidup kita adalah mencari keredaan Allah.

Bagaimana cara untuk menentukan nikmat yang diredhai Allah? Seseorang itu dapat menyedari hakikat yang sebenarnya tentang nikmat yang diterimanya itu ialah apabila dia bersyukur nikmatnya. Dia akan menggunakan pemberian ke jalan kebaikan dan sentiasa redha dan ikhlas mengabdikan diri kepada Allah.

Maka segala limpah kurnia yang diperolehi itu adalah nikmat pemberian yang diredhai Allah. Bila tujuan hidup kita untuk mencari keredhaan Allah, niscaya selamatlah kita di dunia dan akhirat.

Wallahualam.

"Dari Abdullah bin 'Amr R. A, Rasulullah S. A. W bersabda:  
" Sampaikanlah pesanku biarpun satu ayat.."

### ***Maafkan, Aku Bila Aku Mengeluh***

Hari ini, di sebuah stesen bas, aku melihat seorang remaja tampan dengan rambut sedikit ikal. Aku iri melihatnya. Dia tampak begitu ceria, dan aku sangat ingin memiliki ghairah hidup yang sama. Tiba-tiba dia terhuyung-hayung berjalan. Dia mempunyai satu kaki saja, dan memakai tongkat kayu. Namun ketika dia melalui Aku..... ia tersenyum. Ya Allah, maafkan aku bila aku mengeluh. Aku punya dua kaki. Dunia ini milikku. Aku berhenti untuk membeli sedikit kuih. Anak laki-laki penjualnya begitu mempesona. Aku berbicara padanya. Dia tampak begitu gembira. Seandainya aku terlambat sampai tujuan, tidaklah apa-apa. Ketika aku pergi, dia berkata, "Terima kasih. Engkau sudah begitu baik. Menyenangkan berbicara dengan orang sepertimu... Lihatlah, aku buta." Ya Allah, maafkan aku bila aku mengeluh. Aku punya dua mata. Dunia ini milikku. Lalu, sementara berjalan. Aku melihat seorang anak mirip bulan dengan bola mata biru. Dia berdiri dan melihat teman-temannya bermain bola sepak. Dia tidak tahu apa yang bisa dilakukannya. Aku berhenti sejenak, lalu berkata, "Mengapa engkau tidak bermain dengan yang lain, Nak ?" Dia memandang ke depan tanpa bersuara, lalu aku baru tahu dia tidak bisa mendengar. Ya Allah, maafkan aku bila aku mengeluh. Aku punya dua telinga. Dunia ini milikku. Dengan dua kaki untuk membawaku ke mana aku pergi..... Dengan dua mata untuk memandang mentari dan bukit-bukit..... Dengan dua telinga untuk mendengar desir angin dan segala bunyi..... Ya Allah, maafkan aku bila aku mengeluh. Aku masih sempurna, Dunia ini milikku "Barang siapa Allah tujuannya nescaya dunia akan melayaninya, namun siapa dunia tujuannya nescayakan letih dan pasti sengsara diperbudak dunia hingga akhir masa".

## Rahsia jadi ayah yang berkesan

BEBERAPA kajian menunjukkan bahawa kehadiran ayah menyumbang terhadap kejayaan anak dalam setiap fasa kehidupan mereka. Kajian itu disimpulkan dalam Father Facts, Edisi Ketiga (1998), antaranya: Bayi yang mempunyai ayah yang selalu bersama-sama anaknya di lapan minggu pertama, lebih berkemampuan menangani tekanan di alam persekolahan. Anak yang rapat dengan ayahnya pada zaman kanak-kanak menjadi ejen 'penyelesai masalah' yang baik apabila dewasa berbanding kanak-kanak yang tidak dipedulikan oleh ayahnya. Apabila anak lelaki dan perempuan dididik dan dibelai oleh ayahnya serta sentiasa di sampingnya, sikap mereka apabila dewasa menjadi lebih berinisiatif dan mampu mengawal diri. Kanak-kanak yang mempunyai hubungan rapat dengan ayahnya ketika zaman tumbesarnya akan menjadi seorang remaja dan orang dewasa yang seimbang. Anak yang tidak berbapa. Kajian menunjukkan kekosongan daripada belaian kasih ayah mempunyai hubungan rapat dengan pelbagai permasalahan gejala sosial dan prestasi pembelajaran anak-anak. Anak yang tidak tinggal dengan ayahnya menunjukkan gejala seperti di bawah: Lima kali lebih teruk prestasi pembelajaran. Tiga kali lebih ramai yang mengandung tanpa nikah. Lebih 50 peratus kemungkinan keciciran dalam pembelajaran, terbabit dengan gangsterism, penyalahgunaan dadah dan jenayah juvana. Sumber: Pusat Kebapaan Kebangsaan.

Tujuh rahsia menjadi ayah yang berkesan. Ramai lelaki terbilang berjaya dan berbangga kerana menjadi seorang ayah cemerlang dan berkesan. Menurut kajian Dr Ken Canfield, pengasas dan juga Presiden Pusat Kebapaan Kebangsaan dalam penyelidikannya mengenai 'kebapaan' ada tujuh rahsia menjadi ayah yang berkesan:-

Bapa yang komited dan bertanggungjawab.

1. Jalankan tugas bapa dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab.
2. Kenal pasti apakah tugas anda sebagai bapa dalam rumah tangga.
3. Tunjukkan dan beritahu anak bahawa anda juga ada tugas dalam rumah. Anda bukan hanya bertugas di luar. Sekali-sekala berikan mereka peluang untuk mengutarakan pandangan atau menegur anda jika terlupa atau terlalai melakukan tugas anda di rumah. Selalu memeriksa dan memantau apakah anda telah melaksanakan tugas di rumah. Bayangkan 'hadiah' atau 'anugerah' yang bakal didapati (sama ada di dunia atau akhirat) jika

anda menjadi ayah cemerlang! Kenali anak anda.

4. Ambil masa untuk mengenali secara khusus keunikan dan kualiti anak anda.
  5. Libatkan diri dalam dunia mereka, hadiah yang mereka sukai, ketakutan, kekecewaan malah impian dan cita-cita mereka.
  6. Cuba ingatkan semua nama kawan mereka serta pembawaan masing masing. Kenal pasti apa yang selalu mengecewakan, ditakuti, dibenci, paling memalukan serta yang boleh memberi motivasi dan perangsang kepada mereka.
  7. Istiqamah (tetap pendirian) Apabila anak tahu apa yang bapa mahukan, mereka akan lebih berasa yakin serta boleh menyesuaikan dengan kehendak anda. Jadi, istiqamah, tetap pendirian serta konsisten. Ada enam tempat anda perlu konsisten iaitu hadkan perubahan mood (jangan terlalu mengikuti perasaan); sentiasa ada di rumah (selalu menghadirkan diri dalam acara kekeluargaan); kotakan apa yang dikatakan, bukan cakap tidak serupa bikin; sentiasa menjaga moral dan adab sopan; mempunyai atur cara kehidupan teratur serta ada hobi dan kegemaran baik yang boleh dilihat dan diikuti. Melindungi, menyara dan mendoakan. Sediakan suasana dan rasa selamat dalam rumah dengan memberikan respon yang positif setiap kali berlaku krisis dan permasalahan dalam rumah. Paling penting anda memberikan saraan yang cukup kepada mereka. Bapa tidak boleh menghalang berlakunya krisis, tetapi tindakan anda ketika berlaku krisis dan mengembalikan suasana normal, sebenarnya 'mengajar' anak menangani krisis. Jangan lupa doakan untuk anak selepas solat. Mencintai ibu mereka. Zahirkan cinta anda kepada isteri anda di depan anak untuk menunjukkan satu hubungan suami isteri yang intim dan bermakna. Jadikan diri anda sebagai anggota dalam pasukan 'keibubapaan', bukan hanya ibu. Inilah langkah dan hadiah terbaik untuk anak. Dalam jangka panjang, anak mendapat manfaat yang sangat bernilai daripada hubungan ibu bapa yang hormat menghormati, bekerjasama dan berkasih sayang. Menjadi pendengar yang baik
- 1 Sedarlah bahawa anak mudah tersesat atau terpesong dalam arus dunia.
  - 2 Dengar apa yang mereka katakan dan apa yang tidak terluahkan.

\* Tunjukkan kepada mereka bahwa mereka `berhak' untuk didengari dan diberi Perhatian.

**Jadikan diri anda `pemimpin' kerohanian.**

- Beri peluang anak anda mengenali Allah dengan menunjukkan `keimanan' dan amal harian anda yang selari dengan tuntutan agama.
- Bersolat bersama-sama dan jadi imam dalam solat lima waktu di rumah.

**Jangan, jangan dan jangan!!!!**

Jangan biasakan berbohong, kerana ia adalah ciri-ciri munafik dan menghilangkan kepercayaan & kasih orang kepada kita.

Jangan sengaja lewatkan solat. Perbuatan ini Allah tidak suka. Kalau tertidur lain cerita.

Jangan terlalu susah hati dengan urusan dunia. Akhirat itu lebih utama dan hidup di sana lebih lama dan kekal selamanya.

Jangan biarkan mata liar di perjalanan. Nanti hati kita gelap diselaputi dosa.

Jangan menanggung taubat bila berbuat dosa kerana mati boleh datang bila-bila masa.

Jangan masuk ke bilik air tanpa memakai alas kaki (selipar). Takut kalau-kalau terbawa keluar najis, mengotori seluruh rumah kita.

Jangan makan dan minum dalam bekas yang pecah atau sumbing. Makruh kerana ia membahayakan.

Jangan biarkan pinggan mangkuk yang telah digunakan tidak berbasuh. Makruh dan mewarisi kepapaan.

Jangan tidur selepas solat Subuh, nanti rezeki mahal (kerana berpagi-pagi itu membuka pintu berkat).

Jangan makan tanpa membaca BISMILLAH dan doa makan. Nanti rezeki kita dikongsi syaitan.

Jangan keluar rumah tanpa niat untuk membuat kebaikan. Takut-takut kita mati dalam perjalanan.

Jangan pakai sepatu atau selipar yang berlainan pasangan. Makruh dan mewarisi kepapaan.

Jangan ego untuk meminta maaf pada ibu bapa dan sesama manusia kalau memang kita bersalah.

Jangan mengumpat sesama rakan taulan. Nanti rosak persahabatan kita hilang bahagia. Jangan lupa bergantung kepada ALLAH dalam setiap kerja kita. Nanti kita sombong apabila berjaya. Kalau gagal kecewa pula.

Jangan bakhil untuk bersedekah. Sedekah itu memanjangkan umur dan memurahkan rezeki kita.

Jangan banyak ketawa. Nanti mati jiwa. Jangan suka menganiaya manusia atau haiwan. Doa makhluk yang teraniaya cepat dimakbulkan ALLAH.

Jangan mempertikaikan kenapa ISLAM itu berkata JANGAN. Sebab semuanya untuk keselamatan kita. ALLAH lebih tahu apa yang terbaik untuk hamba ciptaanNya.

"Sebarkanlah ajaranku walau satu ayat pun" (Sabda Rasulullah SAW)

"Nescaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu. Dan barangsiapa mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar."

(Surah Al-Ahzab:71)

Kepada Kaum Hawa janganlah cepat melatah, jadikan ia sebagai pengajaran. Kepada yang sudah membaca...ambillah iktibar....

Wanita Mengumpat Sukar DI kapan

Sebagai bilal pengurusan jenazah, banyak pengalaman yang telah saya tempuhi. Ada di antaranya yang cukup menyedihkan. Tidak kurang juga yang benar-benar memberi keinsafan. Salah satu daripada pengalaman-pengalaman itu membabitkan masalah kain kapan tidak muat pada hal mayat yang hendak di kapankan bersaiz kecil. Ini bertentangan dengan satu lagi mayat yang saya uruskan, di mana kain kapannya mencukupi walapun orangnya berbadan tinggi dan gemuk. Sepanjang pengelaman saya dalam pengurusan jenazah sejak lebih 30 tahun lalu, saya menggunakan kain kapan sebanyak 24 ela untuk mengapankan mayat. Jumlah itu selalunya mencukupi tidak kira sama ada mayat bersaiz besar atau kecil, gemuk atau kurus.

Tetapi sewaktu menguruskan satu jenazah di negeri Selangor beberapa tahun lalu, kain kapan sebanyak 24 ela yang saya sediakan itu tidak mencukupi padahal mayatnya kecil sahaja. Mayat itu berkeadaan biasa, berbadan kurus dengan ketinggian lebih kurang lima kaki. Saya di beritahu arwah meninggal dunia kerana sakit jantung. Orangnya sudah tua, umurnya sekitar 60-an.

Seperti biasa sebelum memandikan mayat, saya memotong dahulu kain kapannya sebanyak tiga keping. Panjangnya mengikut ketinggian arwah kemudian di tambah satu hasta di hujung kepala dan satu hasta di hujung kaki. Selepas semuanya siap disusun, saya mula memandikan arwah dengan bantuan adik saya, Rafeah. Tiada keanehan ketara berlaku semasa arwah di mandikan, Cuma mukanya agak kuning dan najisnya, Maha Suci Allah amat banyak. Makin dikorek makin banyak yang keluar.

"Eh, ada lagi najis", kata adik saya Rafeah kehairanan. Selalunya tidak sampai setengah jam, najis sudah habis keluar tetapi yang ini, lebih 45 minit baru habis. Setelah lebih dua jam berlalu, baru selesai tugas kamimemandikan mayat itu. Selalunya satu setengah jam sudah mencukupi. Bila semuanya sudah bersih, arwah dipindahkan untuk dikapan. Sebaik sahaja arwah diletakkan ke atas kain kapan, saya terperanjat besar bila mendapati kain putih yang saya sediakan tadi tidak muat. Entah macam mana kain kapan di hujung kepala dan di hujung kakinya cuma tinggal satu jari sahaja.

"Eh, kenapa tak cukup. Takkan salah potong", saya berkata pada adik saya. Wajahnya turut berkerut kehairanan bila mendapati kain kapan yang kami sediakan itu tidak muat. Kami berdua sama-sama bingung dan bertanya-tanya di mana silapnya. Nak katakan saya tersalah ukur semasa memotong tadi, mustahil. Rafeah sendiri menyaksikan dan membantu saya memotong kain itu. Sudah bertahun-tahun kami berdua melakukan perkerjaan ini, tidak mungkin kami tersalah potong. Nak katakan pembekal kain bersalah ukur, juga tidak mungkin. Sebelum memotong, kami mengukur terlebih dahulu kain kapan itu dan mendapatinya cukup 24 ela. Setiap kali berlaku kematian, orang yang sama itulah yang membekalkan kain kapan kepada saya. Tidak mungkin dia tersalah ukur. Saya mula berkecimpung dalam pengurusan jenazah sejak berusia 17 tahun lagi. Waktu itu saya mengikut nenek saya menguruskan jenazah di kawasan Klang sebelum di lantik sebagai bilal pengurusan jenazah wanita oleh Jabatan Agama Islam Selangor pada tahun 1973. Sepanjang tempoh pembabitan saya dalam bidang itu, inilah kali pertama saya berdepan dengan masalah saya berdepan dengan masalah kain kapan tidak muat. Mungkin inilah yang dikatakan habuan dan bahagian masing-masing. Entah apa amalan arwah semasa hayatnya hanya Tuhan sahaja yang mengetahu. Semoga Tuhan mengampunkan segala dosanya dan mencucuri rahmat di atas rohnyanya.

Untuk menambah kain putih yang lain, dah tak ada. Kain yang saya bawa itu semuanya sudah di pakai, tiada lagi saki-bakinya. Mahu tak mahu mayat arwah dikapankan juga menggunakan apa yang ada. Maha Suci Allah, saya sekali lagi



teperanjat besar bila mendapati kain kapan itu tidak mencukupi untuk membungkus mayat arwah. Bahagian tengahnya ternganga seperti membungkus nasi lemak. Selalunya kain kapan yang saya sediakan boleh menutup hingga ke bahagian tepi. Puas saya tarik untuk cuba menutup bahagian yang ternganga tetapi gagal. Untuk mengatasi masalah itu, saya terpaksa menggunakan kapas untuk menutup bahagian yang ternganga sebelum mengikatnya kemas-kemas.

Sebaik sahaja selesai kerja-kerja mengapan, arwah disembahyangkan kemudian dibawa ke tanah perkuburan. Dan dengan itu selesailah kewajiban saya. Namun cerita-cerita daripada salah seorang yang membantu kerja-kerja pengebumian jenazah membuatkan diri saya menjadi bertambah bingung.

Menurutnya, semasa jenazah hendak dikebumikan, satu keanehan berlaku yang benar-benar memberi keinsafan kepada sesiapa sahaja yang hadir. Ketika jenazah diturunkan, liang lahad yang disediakan didapati tidak cukup panjang hingga menyebabkan bahagian kaki jenazah membengkok. Akibatnya, jenazah terpaksa ditarik naik dan liang lahad digali semula. Bila kubur siap di gali, jenazah diturunkan untuk kali kedua. Allah Maha Besar, liang lahad masih sempit walaupun telah digali melebihi enam kaki. Setiap yang hadir bertambah hairan. Apakah amalannya hingga diseksa begitu rupa? Jenazah dinaikkan semula dan liang lahad ditebuk lagi untuk kali ketiga. Bila selesai kerja-kerja menggali, jenazah diturunkan. Alhamdulillah, cubaan kali ketiga berjaya dan jenazah akhirnya selamat dikebumikan. Masing-masing menghembus nafas lega.

Apa yang berlaku pada jenazah itu memanglah menyedihkan. Saya sendiri tertanya-tanya bagaimana kain kapan yang saya bawa itu tidak muat dengannya. Untuk memastikan kedudukan sebenarnya, saya pergi ke kedai yang membekalkan kain kapan kepada saya untuk bertanya berapa banyak kain putih yang dibekalkan kepada saya. Jika betul 24 ela, kenapa kain itu tidak cukup sedangkan mayat yang dikapankan bersaiz kecil.

Jawapan yang diberikan oleh pekedai itu menyedarkan saya tentang kebesaran Allah. Menurut, kain putih yang dibekalkan kepada saya sama seperti kebiasaannya, ia itu 24 ela. Jika kain itu tidak mencukupi itu bukanlah salah sesiapa sebaliknya merupakan ketentuan Allah. Maha Suci Allah Allah, memang benar apa yang dinyatakan oleh pekedai itu. Apa yang berlaku ke atas jenazah itu merupakan balasan daripada Allah. Mungkin ada di antara amalan-amalannya yang bertentangan dengan ajaran Tuhan. Entah apa yang dilakukan oleh allahyarham semasa hayatnya, wallahualam, hanya Tuhan sahaja yang mengetahuinya.

Tetapi daripada cerita-cerita yang saya dengar, arwah dikatakan mempunyai tabiat buruk - suka mengumpat dan mengatakan orang. Tidak cukup dengan itu, arwah juga dikatakan suka mengambil tahu urusan orang serta gemar membawa mulut dari rumah ke rumah. Bukanlah niat saya untuk membongkarkan keburukan arwah tetapi sekadar memberi nasihat. Semoga apa yang berlaku menjadi pengajaran dan memberi pedoman dan iktibar mereka yang masih hidup.

**Hindarkan perkara-perkara keji demi kesejahteraan kita sendiri**

Pengalaman yang cukup menginsafkan itu jauh berbeza dengan apa yang saya lalui semasa menguruskan satu lagi jenazah kira-kira sebulan kemudian. Orangnyanya saya kenal, berbadan gemuk dan berusia sekitar 50-an. Punca kematiannya ialah darah tinggi. Sewaktu menatap jenazahnya untuk kali pertama, saya mendapati mukanya tenang dan jernih. Walaupun bertubuh besar, tetapi Maha Suci Allah, badannya lembut dan ringan. Saya dan adik saya Rafeah tidak mengalami sebarang masalah untuk mengalih-alihkan badannya. Najisnya tak ada langsung. Puas kami menekan dan mengorek, tetapi tiada sebarang kesan najis.

"Bersih betul mayat ini", saya berbisik kepada Rafeah. Tiada langsung kesan kotoran pada tubuhnya, seolah-olah dirinya telah di bersihkan sebelum menghembus nafas terakhir. Seronok betul kami menguruskannya. Mayat itu selesai di mandikan dalam tempoh tidak sampai sejam. Sewaktu hendak mengapan jenazah, kami berdua pada mulanya di selubungi kebimbangan takut-takut peristiwa kain kapan tidak muat berulang lagi. Maklumlah, sedangkan jenazah kecil pun tak muat inikan pula jenazah yang besar. Tetapi syukur alhamdulillah, kain kapan yang kami bawa sebanyak 24 ela itu cukup untuk menutupi seluruh bahagian. Se-



lesai kerja-kerja mengapan jenazah disembayangkan.

Kerana terlalu ramai yang hadir, jenazah disembahyangkan dua kali. Kali pertama di rumah dan kali kedua di masjid. Jenazah akhirnya dibawa ke tanah perkuburan dan selamat dikuburkan. Perjalanan lancar tanpa sebarang halangan. Saya sendiri berasa seronok menguruskannya.

Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui. Arwah memang dikenali di kalangan penduduk-penduduk kampungnya sebagai seorang yang kuat beribadat. Sifatnya yang suka bersedekah dan menolong orang ternyata mendapat balasan yang setimpal. Keadaannya jauh berbeza dengan jenazah kurus yang tidak muat kain kapannya. Bukan menghina atau mencaci tetapi itulah hakikatnya.

### **Sedikit gambaran mengenai Padang Mahsyar**

Setelah manusia dibangkitkan dari alam kubur oleh Allah SWT, maka manusia akan diiring secara berkelompok-kelompok dengan bertelanjang, tidak berpakaian menuju tempat yg disebut Padang Mahsyar iaitu tanah berpasir putih dan sangat datar dimana tidak terlihat lengkungan mau pun tonjolan.. Di Padang Mahsyar tersebut berkumpul semua makhluk Allah SWT yang berada di tujuh lapis langit dan bumi termasuk malaikat, jin, manusia, setan, binatang melata, binatang buas dan burung-burung, dimana mereka berkumpul berdesak-desakan. Matahari dan bulan padam sehingga bumi dalam kegelapan dan takala Mereka dalam keadaan demikian, langit diatas mereka berputar-putar dan meledak pecah berkeping-keping selama 500 tahun sehingga langit terbelah dengan segala kekuatannya kemudian meleleh dan mengalir bagaikan perak yang dipanaskan hingga berwarna merah dan manusia bercampur baur seperti serangga yang bertebaran dalam keadaan telanjang, tidak berpakaian dan berjalan kaki.

Seperti dalam sabda Rasulullah Saw ; Pada hari kebangkitan tersebut manusia akan dibangkitkan dalam 3 kelompok : kelompok yang berkendaraan, kelompok yg berjalan kaki dan kelompok yg berjalan dengan wajahnya

, seorang sahabat bertanya bagaimana mungkin mereka bisa berjalan dengan wajah mereka ya Rasulullah..? Beliau menjawab ; Allah SWT yg menjadikan mereka berjalan dengan kaki, pasti mampu membuat mereka berjalan dengan wajah. Subhanallah...! Kemudian matahari diterbitkan oleh Allah SWT tepat diatas kepala mereka dengan jarak hanya 2 busur sehingga manusia terpancang oleh teriknya matahari yang intensitas panasnya telah dinaikkan dan keringat pun mengalir deras hingga menggenangi padang kiamat seiring dengan rasa takut yang luar biasa kerana mereka akan dihadirkan dihadapan Allah SWT. Keringat tersebut naik kebadan mereka masing-masing sesuai dengan tingkatan mereka dihadapan Allah SWT. Bagi sebahagian orang keringat akan menggenangi mencapai lutut, bagi sebahagian

lain mencapai pinggang dan bagi sebahagian lainnya mencapai lubang hidung bahkan ada sebahagian manusia nyaris tenggelam didalamnya. Kita tidak tahu setinggi apakah keringat kita nanti, kerana keringat yg belum

kita cucurkan untuk berjuang dijalan Allah SWT seperti melaksanakan ibadah haji, jihad, puasa, sholat dimalam hari, memenuhi keperluan seorang muslim dan menanggung akibat dari menegakkan amar makruf nahi mungkar, akan dialirkan keluar oleh rasa takut dan malu dipadang

kiamat nanti. Subhanaallah..! Oleh kerana itu marilah kita renungkan, bahawa pada saat kita dipadang mahsyar nanti, derita yg akan kita rasakan sangat berat padahal semua ini terjadi sebelum kita menjalani pemeriksaan ataupun hukuman yg akan kita terima dari Allah SWT atas dosa kita. Mudah-mudahan kita digolongkan pada golongan yang sangat sedikit berkeringat dipadang mahsyar nanti dan mudah-mudahan gambaran ini akan menambah rasa taqwa kita kepada Allah S.W.T..Amin...!

Kebanyakan orang membuang banyak masa dan tenaga untuk memikirkan masalah dan bukan cuba untuk menyelesaikannya.

Maksud firman Allah: Dan sesungguhnya kami jadikan untuk isi neraka jahanam. kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai. (Al A'raaf:179)

## **10 tabiat rosakkan otak**

### **1. Tidak mengambil sarapan pagi**

-Apabila seseorang tidak mengambil sarapan pagi, paras gula dalam darah akan menjadi rendah. Ini akan mengakibatkan kekurangan bekalan nutrisi pada otak dan menjadikannya kurang aktif.

### **2. Terlebi makan**

- Ia akan membebankan pembuluh darah otak dan mengurangkan kuasa mental otak.

### **3. Perokok**

-Asap rokok akan mengakibatkan sel-sel otak terjejas atau terbakar dan boleh mengakibatkan penyakit 'Alzheimer'.

### **4. Penggunaan gula yang berlebihan**

-Pengambilan gula secara berlebihan akan mengganggu penyerapan protein dan nutrisi. Selain daripada itu, ia akan mengganggu perkembangan otak yang sihat.

### **5. Pencemaran udara**

-Otak adalah pengguna oksigen terbesar dalam badan manusia. Pencemaran udara boleh menyebabkan pengurangan bekalan oksigen ke otak dan keaktifan otak.

### **6. Terlebi tidur**

-Tidur adalah bagus untuk merehatkan otak tetapi masa tidur yang panjang boleh mengakibatkan sel-sel otak kita mati.

### **7. Menutup muka ketika tidur**

-Tidur sambil menutup muka akan mengakibatkan otak menerima lebih banyak karbon dioksida berbanding oksigen dan ini akan membawa kerosakan kepada otak.

### **8. Membiarkan otak bekerja semasa kita berada di dalam keadaan kurang sihat**

-Bekerja semasa anda kurang sihat boleh mengurangkan keberkesanan otak dan juga membawa kerosakan kepada sel-sel otak.

### **9. Kurang berimiginasi**

- Berfikir adalah satu cara terbaik untuk melatih otak kita. Kurangnya berimiginasi boleh menyebabkan tahap kecerdasan/keaktifan otak menurun.

### **10. Jarang berfikir**

- Jarang berfikir akan menyebabkan otak kita kurang aktif. Oleh itu, perbincangan yang membina boleh menambah keberkesanan kecerdasan otak kita.